

Mahathir kecewa pusat pelancongan jual kraf tangan luar

UM 22 SEP 2001

CHANGLUN 21 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewanya apabila mendapati pusat-pusat pelancongan di negara ini lebih banyak menjual barang-barang kraf tangan keluaran Thailand, Indonesia dan Filipina.

Menurut Perdana Menteri, rakyat negara ini sepatutnya menggunakan kemahiran kerja tangan mereka untuk membuat barang-barang cenderamata daripada buluh, kayu dan juga daun getah.

Beliau menambah, sebagai contoh seorang penanam padi yang tidak turun ke sawah boleh memanfaatkan masa itu untuk melakukan kerja lain sebagai sumber pendapatan tambahan.

“Jika umat Islam dapat

tambahkan pendapatan, maka lebih ramai yang boleh keluarkan zakat dan lebih banyak zakat digunakan untuk atasi kemiskinan,” jelasnya semasa berucap pada majlis penyampaian bantuan amal makruf Bank Rakyat di masjid Kampung Darat, dekat sini.

Sebanyak RM25,000 wang zakat sumbangan bank tersebut telah diagihkan kepada kira-kira 300 orang penerima.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi Bank Rakyat, Dr. Norraesah Mohammad.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menggesa umat Islam berusaha lebih gigih untuk meningkatkan pendapatan dan tidak mengharapkan bantuan orang lain.

Menurut Perdana Menteri, mereka perlu berusaha menambah pendapatan dengan mempelbagaikan sumber dan tidak terlalu bergantung kepada sesuatu pekerjaan.

Beliau berkata, pendapatan yang lebih itu boleh digunakan untuk membayar zakat membantu golongan yang benar-benar memerlukan pertolongan.

“Orang Islam perlu berusaha untuk menambahkan pendapatan kerana ramai yang tidak daif sehingga tidak boleh bekerja. Orang Islam perlu berbangga kerana dapat mengeluarkan zakat.

“Kalau berusaha boleh tambah pendapatan dan mendapat pahala kalau mengeluarkan zakat,” katanya.